



e-ISSN: 0128-0902
ISSN 2289-9634

Available online at <https://jcis.uitm.edu.my>

Journal of Contemporary Islamic Studies 10(3) 2024

Journal of
Contemporary
Islamic Studies

Impak Pelaksanaan Wakaf Tunai Ke Arah Melestarikan Sekolah Agama Rakyat (SAR): Kajian di Sekolah Rendah Tahfiz Integrasi (SRITI) Al-Fateh, Raub, Pahang

(The Impact of Cash Endowment Implementation Towards Preserving People's Religious Schools (SAR): A Study at Tahfiz Integration Primary School (SRITI) Al-Fateh, Raub, Pahang)

Surita Hartini Mat Hassan¹, Mohd Nasir Ayub^{1*}, Che Khadijah Hamid², Salimah Yahaya², Sakinatul Raadiyah Abdullah³

¹Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Kampus Raub 27600 Raub, Pahang, Malaysia

²Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Kampus Dungun, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

³Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA, Kampus Sungai Petani, 08400 Merbok, Kedah, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 24 July 2024

Accepted 20 September 2024

Published 8 November 2024

Keywords:

Cash Waqf

Impact

Sekolah Agama Rakyat

SRITI al-Fateh

Katakunci:

Impak

Sekolah Agama Rakyat

SRITI al-Fateh

Wakaf tunai

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i3.4>

ABSTRACT

The implementation of *waqf* instruments in educational institutions is growing more and more after the concept of cash *waqf* or *waqf* using money was introduced. Endowment through money or better known as "cash endowment" is an instrument that can help meet the needs of educational institutions including the People's Religious School (SAR) to obtain a continuous source of funds. SAR is a religious school established privately by certain individuals. Most SAR are faced with financial constraints in managing and administering schools. Therefore, SAR administrators try to get funds through *waqf* instruments such as cash *waqf*. However, until now the implementation of cash *waqf* instruments in SAR still lacks response among SAR administrators. However, Tahfiz Integrasi al-Fateh Islamic Primary School, Raub, Pahang (SRITI, al-Fateh) is part of SAR that has implemented cash *waqf* and has had a positive impact on school development. Based on this phenomenon, this study was conducted to identify cash *waqf* instruments found in SRITI, al-Fateh, Raub and analyze the impact of the cash *waqf* implementation. This study is a qualitative study that involves the collection of data from primary sources collected through face-to-face interviews with the administrative ranks of SRITI al-Fateh and document sources such as books, magazines, journals, articles and others. The data was then analyzed through content analysis. Based on research, cash *waqf* has enough potential to guarantee the survival of SAR financial funds, especially involving the implementation of *waqf* using money. The implementation of this cash *waqf* can guarantee good

^{1*} Corresponding author. E-mail address: mnasir251@uitm.edu.my
<https://doi.org/10.24191/jcis.v10i1.3.4>

management and financial stability to cover operational financing, infrastructure development, education programs and the provision of basic facilities.

ABSTRAK

Pelaksanaan instrumen wakaf di institusi pendidikan semakin berkembang lebih-lebih setelah konsep wakaf tunai atau berwakaf menggunakan wang diperkenalkan. Berwakaf melalui wang atau lebih dikenali sebagai “wakaf tunai” merupakan instrumen yang dapat membantu memenuhi keperluan institusi pendidikan termasuklah Sekolah Agama Rakyat (SAR) mendapatkan sumber dana secara berterusan. SAR merupakan sekolah aliran agama yang ditubuhkan secara persendirian oleh individu tertentu. Kebanyakan SAR berhadapan dengan kekangan kewangan dalam mengurus dan mentadbir sekolah. Oleh sebab itu, pentadbir SAR berusaha mendapatkan dana melalui instrumen wakaf misalnya wakaf tunai. Namun sehingga kini, pelaksanaan instrumen wakaf tunai di SAR masih kurang sambutan dalam kalangan pentadbir SAR. Walau bagaimanapun, Sekolah Rendah Islam Tahfiz Integrasi al-Fateh, Raub, Pahang (SRITI, al-Fateh) merupakan sebahagian daripada SAR yang telah melaksanakan wakaf tunai dan telah memberikan kesan positif kepada pembangunan sekolah. Berlatarbelakangkan fenomena inilah kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti instrumen wakaf tunai yang terdapat di SRITI al-Fateh, Raub dan menganalisis impak pelaksanaan wakaf tunai tersebut. Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang melibatkan pengumpulan data daripada sumber primer yang dikumpul melalui temu bual secara bersemuka terhadap barisan pentadbir SRITI al-Fateh yang terdiri daripada pengerusi, mudir serta pengerusi projek sekolah. Selain itu, kajian ini juga menggunakan sumber dokumen seperti buku, majalah, jurnal, artikel dan lain-lain. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis secara analisis kandungan secara tematik. Berdasarkan penelitian, wakaf tunai mempunyai potensi yang cukup besar untuk menjamin kelangsungan dana kewangan SAR terutamanya melibatkan pelaksanaan wakaf menggunakan wang. Pelaksanaan wakaf tunai ini dapat menjamin pengurusan yang baik dan kestabilan dalam kewangan untuk menampung pembiayaan operasi, pembangunan infrastruktur, program pendidikan serta penyediaan kemudahan asas.

PENGENALAN

Sejarah telah membuktikan bahawa pada zaman dahulu kebanyakan institusi pendidikan mendapat dana melalui instrumen wakaf. Sebagai contoh, di Jerusalem pada awal abad ke-5, terdapat 70 sekolah wakaf yang didirikan, 12 daripadanya menyediakan pendidikan secara percuma kepada pelajar. Zaman pemerintahan Islam di Kepulauan Sicily, terdapat 300 buah sekolah rendah yang dibangun berasaskan dana wakaf. Wakaf Al-Azhar yang didirikan oleh Dinasti Fatimiyah pada tahun 970M masih memberikan manfaat kepada para pelajar hingga saat ini. Wakaf ini juga telah membantu kerajaan Mesir dalam mengatasi krisis ekonomi pada masa lalu (Mahamood, 2006). Institusi pendidikan terkenal seperti Universiti al-Qurawiyyin di Fez, Moroko, Universiti Al-Muntasiriyah di Iraq, dan Universiti Cordova di Sepanyol semuanya dibangun melalui wakaf. Selain itu, institusi seperti Universiti King Abdul Aziz di Emiriah Arab Bersatu dan Vakif Universiti di Turki juga dibina melalui sumber wakaf. Di Istanbul, contohnya, jumlah universiti wakaf telah mencapai lebih dari 72, dan ini dijangka akan terus bertambah pada masa akan datang (Mahamood & Ab Rahman, 2015).

Pada masa kini menampakkan kebanyakan Universiti Awam (UA) di Malaysia telah mula mengambil langkah aktif dalam memperkenalkan wakaf di institusi pendidikan masing-masing. UA yang terlibat ialah Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Teknologi MARA (UiTM), dan lain-lain. Namun, tidak dapat dinafikan bahawa wakaf bagi tujuan pendidikan telah lama ada

di Malaysia melalui pembangunan masjid, surau, madrasah, dan pondok yang telah dibangun oleh masyarakat tempatan serta mereka yang berpindah ke negara ini termasuklah pemerintah dan pemimpin negeri dalam mengembangkan institusi pendidikan Islam. Sumbangan yang diberikan kebiasaannya dalam bentuk wakaf am, wakaf khas dan wakaf irsad (Mahamood et al., 2018). Hal ini termasuk sekolah yang dibina secara persendirian seperti SAR.

Sekolah Agama Rakyat merupakan sekolah agama dan Arab. Pengurusan kewangan, perguruan, sukatan pelajaran dan lain-lain diuruskan oleh rakyat yang merupakan pentadbir sekolah. SAR juga kebanyakan berdaftar dengan Enakmen Pengawalan Sekolah Agama (Siren et al., 2018). SAR telah dikategorikan sebagai jenis sekolah agama sebagaimana yang dinyatakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Kajian mengenai kelestarian kewangan SAR melalui pelaksanaan instrumen wakaf iaitu wakaf tunai adalah suatu isu yang relevan dan penting dalam konteks Malaysia pada masa kini. Berwakaf menggunakan wang atau lebih dikenali sebagai wakaf tunai ialah kaedah yang boleh digunakan untuk menjana pendapatan tambahan bagi menguruskan SAR dengan lebih baik. Hal ini kerana SAR memainkan peranan penting dalam kelangsungan pendidikan agama Islam di Malaysia. Oleh itu, pentadbir SAR perlu memberi keutamaan kepada kelestarian kewangan sekolah untuk memastikan kesinambungan pendidikan agama Islam.

Dalam melaksanakan wakaf tunai, pentadbir SAR perlu untuk memahami kaedah yang sesuai dilaksanakan di SAR yang merangkumi proses pemilihan sumber dana, pengurusan aset wakaf dan pengagihan pendapatan daripada wakaf tersebut. Namun begitu, sejauh mana pelaksanaan wakaf tunai dapat melestarikan kewangan sekolah? Apakah kaedah-kaedah yang sewajarnya dilaksanakan? Persoalan-persoalan inilah yang cuba dijawab dalam kajian ini. Selain itu, perkara yang perlu diberi perhatian dalam pelaksanaan wakaf tunai ialah cabaran yang dihadapi dalam melaksanakannya, serta faedah yang diperoleh SAR.


Pelaksanaan wakaf tunai untuk meningkatkan kelestarian kewangan SAR adalah langkah yang positif, tetapi ia juga memerlukan pengurusan yang bijak dan penyelidikan yang teliti. Hal ini kerana wujud pelbagai pandangan terhadap pelaksanaan wakaf tunai di Malaysia (Ab Rahman, 2021). Pentadbir SAR perlu memahami kesan pelaksanaan ini dan dapatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan serta pihak berkuasa tempatan sebagai kunci kepada kejayaan pelaksanaan wakaf tunai. SRITI Tahfiz al-Fateh, Raub merupakan salah satu SAR yang melaksanakan wakaf tunai sebagai sumber dana dan telah memberikan impak yang positif terhadap kewangan sekolah dan juga pembangunan pendidikan di sekolah itu sendiri.

Justeru, kajian ini bertujuan mengenal pasti kaedah pelaksanaan wakaf tunai di SRITI Tahfiz al-Fateh dan menganalisis impak daripada pelaksanaan tersebut terhadap kelestarian kewangan sekolah. Penelitian ini memberi fokus kepada kelestarian kewangan SRITI Tahfiz al-Fateh. Kajian dilakukan dengan menemu bual mudir, pengerusi dan pengurus projek SRITI Tahfiz al-Fateh. Kelestarian dalam pelaksanaan wakaf tunai adalah penting untuk memastikan bahawa dana tersebut memberi manfaat kepada masyarakat dalam jangka masa panjang dan tidak hanya bersifat sementara. Dengan mengambil kira elemen-elemen tertentu, wakaf tunai dapat menjadi alat yang kuat untuk memajukan masyarakat dan mencapai matlamat kelestarian yang lebih luas.

METODOLOGI

Kaedah penyelidikan kualitatif adalah satu pendekatan penyelidikan yang bertujuan untuk memahami dan menerangkan fenomena sosial atau manusia melalui pemerhatian mendalam, analisis kualitatif, dan tafsiran data. Menurut Bryant (2006) dan Bruce (2007), penyelidik perlu mendapatkan data daripada pelbagai sumber misalnya ingatan serta pengalaman ahli organisasi. Hal ini untuk memastikan data yang diperoleh berkualiti tinggi (Turner, 2010). Sekiranya menggunakan pendekatan kualitatif, penyelidik sewajarnya

melibatkan kaedah yang boleh memberikan data yang jelas dan menyeluruh (Bruce, 2007). Hal ini dilihat selari dengan pandangan Bruce (2007), bahawa terdapat permintaan daripada penyelidik, terutamanya mereka yang menjalankan penyelidikan kualitatif, untuk memastikan data yang mereka kumpulkan adalah jelas dan boleh difahami. Salah satu kaedah yang sering digunakan dalam penyelidikan kualitatif adalah temu bual secara bersemuka. Antara langkah-langkah utama dalam melaksanakan temu bual secara bersemuka dalam penyelidikan kualitatif ditunjukkan dalam Rajah 1.



Rajah 1: Langkah Penyelidikan
Sumber: Analisis dan penelitian penyelidik

Rajah 1 memaparkan kaedah yang diaplikasikan oleh penyelidik dalam melaksanakan kajian ini. Terdapat lima fasa iaitu persediaan awal, sesi temu bual, merekod dan merakam, analisis data, dan pelaporan dan interpretasi. Temu bual secara bersemuka adalah satu kaedah yang kuat dalam penyelidikan kualitatif kerana ia membolehkan penyelidik memahami pandangan, pengalaman, dan persepsi responden dengan lebih mendalam. Namun, ia juga memerlukan kecekapan dalam berkomunikasi dan mengendalikan hubungan dengan responden secara beretika. Temu bual bersemuka dilakukan dalam kajian ini untuk mendapatkan maklumat yang tepat dan mendalam. Kajian ini melibatkan 3 responden yang terdiri daripada pengerusi, mudir dan pengurus projek SRITI Tahfiz al-Fateh. Penetapan responden ialah berdasarkan pengalaman dalam mengurus dana wakaf lebih dari 3 tahun dan sememangnya terlibat secara langsung dalam kutipan dan agihan dana wakaf tunai. Data kajian ini juga disokong oleh sumber sekunder seperti buku, majalah, jurnal, artikel dan lain-lain. Data yang diperolehi dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan secara tematik. Data yang diperolehi dikumpul berdasarkan tema-tema tertentu dan dikodkan mengikut kesesuaian perbincangan dalam kajian. Kemudian, dianalisis berdasarkan objektif dan persoalan kajian.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Latar Belakang Penubuhan SRITI Tahfiz al-Fateh

Penubuhan Sekolah Rendah Islam Tahfiz Integrasi al-Fateh (SRITI Tahfiz al-Fateh) bermula pada tahun 2018. Pada masa itu, sekolah ini beroperasi dengan menyewa di lot rumah kedai di alamat No. 26-1, PT57, Pusat Perniagaan Raub, Jalan Tras, Raub. Sekolah ini berdaftar dengan Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP) dengan pendaftar bernombor **KS 38/2018**. Menurut Pengerusi SRITI Tahfiz al-Fateh, al-Fadhil Ustaz Rosaidi Ramli, hasrat asalnya ialah untuk menubuhkan Maahad Tahfiz. Memandangkan di daerah


Raub belum ada lagi jenis Sekolah Rendah Islam, maka beliau memilih untuk menubuhkan Sekolah Rendah Islam dan menggabungkan dengan program tahfiz. Pendaftaran sekolah ini di bawah Sekolah Rendah Integrasi Tunas Islam (SRITI). SRITI pula bernaung di bawah Sektor Pendidikan Pemuda PAS Pusat (DPMM). Kelebihan bernaung di bawah SRITI PAS Pusat disebabkan beberapa inisiatif yang diperoleh seperti guru-guru mendapat latihan di bawah program latihan keguruan SRITI Pusat, jaringan kolaborasi dengan SRITI-SRITI cawangan di seluruh Malaysia dan banyak lagi.

Pada peringkat awal penubuhan di lot rumah kedai, Raub, seramai 14 orang pelajar mendaftar pengajian. Kemudian pada 2019, bertambah kepada 40 orang pelajar. Setelah itu, pelajar yang mendaftar di SRITI Tahfiz al-Fateh semakin meningkat dan sehingga kini, pelajar SRITI Tahfiz al-Fateh berjumlah lebih 200 orang.

Pada tahun 2022, SRITI Tahfiz al-Fateh telah berpindah ke bangunan baharu di lokasi yang beralamat di Lot 29257, Kampung Melayu Sempalit, Raub. Lokasi yang cukup strategik bersebelahan dengan Lebuhraya Lingkaran Tengah Utama (Central Spine Road atau Lebuhraya CSR). SRITI Tahfiz al-Fateh mempunyai 12 orang kakitangan termasuklah 3 orang guru tahfiz dan 9 orang guru akademik. SRITI Tahfiz al-Fateh juga berdaftar dengan JAKIM. Hal ini untuk memudahkan para pelajar mengikuti silibus UPKK di SRITI ini. Manakala peperiksaan UPKK daripada JAKIM, pelajar SRITI Tahfiz al-Fateh boleh menduduki peperiksaan tersebut di mana-mana sekolah kebangsaan yang berhampiran.

Pembelajaran dan Pengajaran di SRITI Tahfiz al-Fateh

Pelaksanaan silibus SRITI Tahfiz al-Fateh Raub merupakan gabungan dua sistem iaitu menggunakan sistem tahfiz integrasi dan juga menggunakan sistem pendidikan SRITI Malaysia. Walaupun mengambil sistem SRITI Malaysia, namun SRITI Tahfiz al-Fateh mempunyai silibusnya yang tersendiri yang digabungkan dengan silibus SRITI Malaysia. Hasrat pihak pengurusan SRITI Tahfiz al-Fateh, pelajar-pelajar yang tamat tahun enam akan dapat menghafaz sekurang-kurangnya empat atau lima juzuk al-Quran termasuk juzuk ke 30 al-Quran (Juz 'Ammah). Bukan semua SRITI di Malaysia memiliki dan menggunakan silibusnya tersendiri. Namun SRITI Tahfiz al-Fateh menggunakan silibusnya yang tersendiri untuk membentuk pelajar berilmu dan berketerampilan serta membina jati diri pelajar berdasarkan perkembangan sosial, lokaliti dan keperluan ilmu pada masa kini. Menurut Pengerusi SRITI, hal ini sebenarnya masih dalam ruang lingkup serta tidak bercanggah dengan garis panduan SRITI Malaysia.



Rajah 2: Silibus Program Tahfiz di SRITI Tahfiz al-Fateh
Sumber: Analisis Penyelidik dari Data Temu Bual

SRITI Tahfiz al-Fateh menjalankan dua program sekali gus iaitu program tahfiz dan program akademik. Pada awal pagi dimulai dengan program tahfiz. Program tahfiz bermula pada jam 7.00 pagi hingga jam 10.00 pagi. Pelajar dikehendaki belajar al-Quran serta menghafaz al-Quran sepertimana yang dimaklumi dalam silibus masing-masing. Manakala jam 10.30 pagi sehingga jam 3.00 petang, pelajar akan mengikuti akademik. Program akademik bermaksud pelajar-pelajar akan mengikuti pengajaran subjek-subjek teras KSSR seperti bahasa Melayu, bahasa Inggeris, Sains, Matematik dan sebagainya. Pada masa ini juga, pelajar-pelajar akan mengikuti subjek-subjek KAFA daripada JAKIM seperti pengajian al-Quran, akidah, ibadah, sirah, akhlak dan lain-lain lagi.

Jadual 1: Sesi pengajian di SRITI Tahfiz al-Fateh

Masa	Program pengajian	Catatan
7.00 - 10.00 pagi	Program Tahfiz	Di bawah pengawasan guru bertugas
10.00 - 10.30 pagi	Rehat & solat sunat Dhuha	Pemantauan guru bertugas
10.30 - 3.00 petang	Program KSSR kementerian pendidikan dan subjek KAFA JAKIM	Jadual pengajaran subjek KSSR dan KAFA disusun dengan baik

Sumber: Analisis Penyelidikan daripada data Temu Bual

Tidak terhad dalam bidang akademik, SRITI Tahfiz al-Fateh juga membangunkan pelajar-pelajar dalam bidang kesukanan. Bidang kesukanan amat digalakkan oleh pihak sekolah. Walaupun tidak memiliki padang yang khusus, namun pihak pengurusan telah berikhtiar dan mencari jalan memastikan bidang sukan juga turut menjadi keutamaan kepada pelajar. Sebagai contoh, murid-murid diajar dengan sukan memanah dengan mendaftar ahli kelab memanah yang dianjurkan di sekitar Raub. Begitu juga dengan sukan bola sepak dan sebagainya. SRITI Tahfiz al-Fateh juga menggalakkan penyertaan pelajar-pelajarnya memasuki pertandingan sukan yang dianjurkan oleh sekolah-sekolah kebangsaan sekitar Raub, program anjuran Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Raub serta pertandingan sukan oleh Majlis Sukan-Sukan Malaysia (MSSM) itu sendiri. Kejayaan cemerlang dalam bidang sukan telah dibuktikan apabila wakil pelajar SRITI Tahfiz al-Fateh pernah mendapat Naib Johan dalam acara memanah dalam sukan MSSM peringkat kebangsaan.

Walaupun SRITI Tahfiz al-Fateh dikategorikan sebagai sekolah agama persendirian atau Sekolah Agama Rakyat (SAR), namun pihak pengurusan berusaha mendapatkan khidmat nasihat Pejabat Pendidikan Daerah Raub dalam usaha memastikan pelajar yang menamatkan pengajian darjah 6 di SRITI Tahfiz al-Fateh dapat melanjutkan pelajaran di mana-mana sekolah menengah aliran biasa, Sekolah Berasrama Penuh (SBP), sekolah-sekolah agama dan sebagainya. Justeru, pihak pengurusan telah mendaftarkan SRITI Tahfiz al-Fateh memasuki sistem arus perdana melalui pendaftaran dalam Aplikasi Pengkalan Data Murid (APDM) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Justeru, pihak pengurusan SRITI Tahfiz al-Fateh berjaya melonjakkan diri untuk bersaing dengan SRITI Malaysia yang lain. Begitu juga dengan pencapaian yang dimiliki setakat ini, SRITI Tahfiz al-Fateh juga tidak mustahil dapat menandingi prestasi sekolah kebangsaan arus perdana di daerah Raub, sama ada dalam bidang akademi dan juga sukan.

Kaedah Pelaksanaan Wakaf Tunai SRITI Tahfiz Al-Fateh, Raub

Aset wakaf kekal berbentuk sebidang tanah yang telah diwakafkan untuk membina sekolah agama. Ia bermula apabila Haji Zabidi iaitu pesara Lembaga Hasil Dalam Negeri cawangan Raub telah mewakafkan tanah seluas satu ekar bagi mendirikan sekolah agama yang dimaksudkan. Geran asal yang berkeluasan tiga ekar diserahkan kepada Pengerusi SRITI Tahfiz al-Fateh untuk menguruskan proses pecah lot dan beliau mewakafkan satu ekar untuk dibangunkan SRITI tersebut.

Pengerusi telah melakukan pecat lot dan geran tanah 1 ekar tadi telah didaftar dengan menggunakan nama sebuah NGO iaitu Pertubuhan Kebajikan Ilmiah Malaysia (PERKIS). Apabila proses pindah milik tanah selesai, maka, usaha mengutip wakaf tunai pun bermula. Resit wakaf tunai dikeluarkan bagi sesiapa yang berhajat untuk berwakaf. Kebenaran mengutip wakaf tunai memerlukan kebenaran daripada Majlis Ugama Islam Pahang (MUIP). Justeru, pihak pengurusan SRITI Tahfiz al-Fateh telah memohon izin dan dibenarkan dengan no. pendaftaran kutipan derma Bil. (16) dlm M.U.I PHG 100/116/1 JLD 20. Kutipan wakaf tunai bermula pada tahun 2019, apabila proses kerja-kerja pembinaan bangunan bermula.

Jadual 2: Jenis wakaf di SRITI Tahfiz al-Fateh

No.	Jenis wakaf	Kaedah
1.	Wakaf tunai	Mengutip wakaf tunai dengan kebenaran MUIP dan disediakan resit wakaf.
2.	Wakaf jualan lot bangunan	Mengutip wakaf lot bangunan dengan menjual 1 lot dengan harga RM20 dan resit disediakan.
3.	Wakaf tanah 1 ekar	Haji Zabidi (tuan tanah) mewakafkan sebidang tanah seluas 1 ekar di Kampung Melayu Sempalit untuk dibangunkan sekolah agama yang dimaksudkan.
4.	Wakaf dan sumbangan berbentuk barangan pembinaan	Wakaf barangan pembinaan daripada individu dan syarikat bumiputera seperti besi, batu bata, simen, pasir, atap dan sebagainya.
5.	Wakaf dan sumbangan kerusi dan meja	Sumbangan kerusi dan meja yang masih kukuh dan baik daripada sekolah kebangsaan di Temerloh yang dinaiki air banjir.
6.	Sedekah dan sumbangan umum berbentuk kewangan	Sedekah dan sumbangan umum diberikan oleh syarikat dan individu dengan niat membangunkan lain-lain infrastruktur dan bangunan SRITI.

Sumber: Analisis Penyelidik dari data Temu bual

Jelas di sini, wakaf tunai yang diperoleh untuk membangunkan bangunan SRITI itu sendiri. Namun, sumber-sumber lain seperti sumbangan awam berbentuk peralatan pembinaan daripada individu dan korporat serta syarikat-syarikat bumiputera di sekitar Raub dan Pahang juga banyak membantu melancarkan lagi proses menyiapkan bangunan SRITI. Hal ini dipacu oleh kecekapan Pengerusi serta pihak pengurusan SRITI yang bertindak mencari dana mereka dalam apa medium sekalipun. Media sosial yang

paling kerap digunakan oleh pihak pengurusan SRITI ialah Facebook, TikTok dan sebagainya. Selain itu, penggunaan kain rentang yang dinaikkan di sekitar Raub serta hebahan melalui kuliah-kuliah dan ceramah yang diadakan oleh tenaga pengajar SRITI Tahfiz al-Fateh. Manakala yuran bulanan yang dikenakan kepada pelajar-pelajar akan digunakan untuk menguruskan pembayaran gaji guru, pembayaran bil elektrik, air serta kos pengurusan yang berkaitan.

Impak Dana Wakaf Tunai SRITI Tahfiz al-Fateh

Terdapat dua impak utama hasil kutipan wakaf tunai SRITI al-Fateh iaitu terbinanya bangunan sekolah dua tingkat dan sebuah masjid yang masih dalam pembinaan. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Suhaimi dan Ab Rahman (2021) terdapat 4 peranan utama wakaf tunai di Malaysia iaitu membantu dalam menggiatkan aktiviti ekonomi; melengkapkan prasarana tempat beribadah dan sosial; melengkapkan infrastruktur pembiayaan pendidikan dan membantu menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan kepada masyarakat. Dana wakaf SRITI Tahfiz al-Fateh telah berjaya menyediakan prasarana tempat ibadah dan sosial serta melengkapkan infrastruktur pembiayaan pendidikan. Hal ini jelas membuktikan wakaf tunai memberikan kesan yang sangat bermanfaat kepada masyarakat dan ummah. Antara impak yang dikenal pasti daripada dana wakaf SRITI Tahfiz al-Fateh, Raub ini adalah seperti berikut:

(a) *Pembinaan Sekolah*

Bangunan sekolah yang dibina dapat menampung jumlah pelajar melebihi 200 orang. Hal ini membuktikan hasil kutipan dana wakaf dapat memberi manfaat pengajaran pendidikan Islam kepada pelajar. Guru-guru juga dapat mengajar dalam keadaan yang sempurna berbanding bangunan sebelum ini yang disewa di rumah kedai. Amalan wakaf dapat membantu institusi yang kekurangan dana, bahkan ia dapat membantu dalam pembangunan modal insan. Daripada dana yang disalurkan, institusi pendidikan itu sendiri berkemampuan memberikan pendidikan dan latihan yang berkualiti untuk menghasilkan pelajar yang cemerlang (Hassan et al., 2013). Pelaksanaan wakaf bagi tujuan pendidikan ini juga berpotensi dalam pembangunan pendidikan negara dan juga berupaya menggalakkan masyarakat untuk lebih terdedah dengan amalan wakaf yang menjadi satu perkara yang mulia dan digalakkan dalam Islam (Rashid et al., 2022). Namun begitu pihak pengurusan sesuatu organisasi yang diberikan mandat atau amanah perlu melaksanakan tanggungjawab dan tugas ini dengan penuh integriti, bertanggungjawab, telus, konsisten dan efisien melalui konsep *governance* yang menekankan kepada elemen-elemen asas dalam pengurusan dan menggabungkan prinsip-prinsip yang telah diterapkan dalam agama Islam (Saufi, et al., 2021). Dengan ini keberkesanan sesebuah organisasi dalam merangka dan melaksanakan dasar terutamanya dalam pembangunan harta wakaf mencapai matlamat yang ditetapkan.

(b) *Pembinaan Masjid*

Masjid yang hampir siap juga bakal digunakan oleh pelajar, guru dan orang awam bagi aktiviti keagamaan dan sosial yang berkaitan. Menurut tradisi Islam, pembangunan masjid itu sendiri hasil daripada tanah yang diwakafkan. Hal ini terbukti dengan pembinaan masjid di zaman Rasulullah SAW seperti Masjid Quba' dan sebagainya. Masjid yang dibina tidak asing lagi dengan amalan pewakafan tanah oleh masyarakat Islam. Maka, sentimen itu masih segar sehingga kini. Keperluannya sekarang ialah kecukupan dalam menguruskan dana yang diwakafkan itu sendiri demi kegunaan, kebaikan dan kesejahteraan umat Islam (Mohiddin, 2017).

Hal ini juga boleh dilakukan dengan pengurusan yang cekap oleh pihak SRITI dalam menjana dana wakaf masjid seterusnya melahirkan komuniti masjid yang lebih tersusun. Memandangkan suasana masjid Mukim Kampung Melayu Sempalit, Raub, Pahang, berada di tengah bandar Raub yang jauh daripada kawasan kampung, maka, kewujudan masjid iktikaf ini akan menarik masyarakat setempat untuk hadir mengimarahkan masjid yang bakal siap nanti.

Malah, pelajar-pelajar SRITI Tahfiz al-Fateh dapat menjadikan masjid itu sendiri sebagai pusat untuk menunaikan solat lima waktu, sunat Dhuha, latihan amali dan sebagainya. Firman Allah SWT yang bermaksud:

Jangan engkau sembahyang di masjid itu selama-lamanya, kerana sesungguhnya masjid (Qubaa' yang engkau bina wahai Muhammad), yang telah didirikan di atas dasar takwa dari mula (wujudnya), sudah sepatutnya engkau sembahyang padanya. Di dalam masjid itu, ada orang-orang lelaki yang suka (mengambil berat) membersihkan (mensucikan) dirinya; dan Allah Mengasihi orang-orang yang membersihkan diri mereka (zahir dan batin).

Surah al-Taubah, 9: 108

(c) *Jaminan Pahala Yang Berterusan Kepada Pewakaf*

Terdapat banyak hadis yang menceritakan tentang kelebihan berwakaf dan menginfakkan harta ke jalan Allah SWT. Antaranya adalah hadis daripada Abu Hurairah r.a., baginda telah bersabda yang bermaksud:

Sesungguhnya yang didapati oleh orang yang beriman dari amalan dan kebaikan yang dia lakukan setelah dia mati adalah: Ilmu yang diajar dan disebar, anak soleh yang ditinggalkan, mushaf al-Quran yang diwariskan, masjid yang dibina, rumah yang dibina untuk penginapan orang yang sedang dalam perjalanan, Sungai yang dialirkan untuk kepentingan orang ramai, dan sedekah yang dikeluarkan dari harta ketika sihat dan hidup.

Riwayat Ibn Majah, Hadis ke-242

Berdasarkan hadis ini, sungai yang dialirkan juga bermaksud menggali perigi untuk kegunaan ramai. Hadis ini menjelaskan betapa besarnya fadilat wakaf sebagai amal jariah selepas mati. Hal ini kerana harta wakaf yang dilakukan itu akan dimanfaatkan oleh masyarakat sekitarnya dan akan sentiasa mengalirkan pahala berterusan kepada pemberi wakaf (Nik Hassan, 1999). Penyumbang wakaf tunai dijamin pahala yang berterusan kerana pembinaan sekolah dan masjid, pastinya digunakan dan dimanfaatkan selamanya malah akan berkembang dengan pembinaan bangunan yang lain di masa akan datang.

(d) *Hasrat Pewakaf Tanah Dapat Disempurnakan Dengan Baik*

Umat Islam digalakkan untuk bersegera melakukan kebajikan di dunia ini. Namun, semua ini memerlukan pengorbanan dan kesungguhan yang bukan sedikit. Bagi merealisasikan terbinanya SRITI, Tuan Haji Zabidi telah mewakafkan tanah seluas satu ekar untuk pembinaan sekolah serta sebuah masjid. Amalan mulia ini amat dipuji. Hal ini bertepatan dengan firman Allah SWT yang bermaksud:

Dan bersegeralah kamu kepada ampunan dari Tuhanmu dan kepada syurga yang luasnya seluas langit dan bumi yang disediakan untuk orang-orang yang bertakwa iaitu orang-orang yang menafkahkan (hartanya), baik di waktu lapang maupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan) orang. Allah menyukai orang-orang yang berbuat kebajikan.

Surah Ali Imran, 3: 133-134

Justeru, hasrat Tuan Haji Zabidi dan masyarakat sekitar yang berwakaf tunai dan mewakafkan bahan-bahan pembinaan itu akan terlaksana melalui pembinaan sebuah masjid nanti. Masjid yang tersergam indah itu menjadi simbol kejayaan pengurusan SRITI itu sendiri.

(e) Wakaf Tunai Menjadi Medium Dakwah Dalam Islam

Pendidikan merupakan satu keperluan dalam kehidupan manusia. Menerusi pelaksanaan wakaf tunai bagi tujuan pendidikan dapat menyumbang dalam melahirkan ilmuwan Islam yang berdaya saing dan mampu menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi ummah. Pelaksanaan wakaf tunai ini juga mampu menjadikannya sebagai salah satu medium dakwah berdasarkan konsep Islam yang menjaga keperluan hakiki dan hak asasi manusia menerusi pembinaan harta wakaf (Nik Hassan, 1999). Melalui pembinaan sekolah berasaskan dana wakaf ini, ia mampu mencerminkan pandangan positif berkaitan agama Islam yang menjaga kebajikan masyarakat melalui perkongsian harta dalam membina harta dan aset kekal untuk kegunaan masyarakat seperti sekolah dan masjid (Latiff et al., 2006). Selain itu, ia juga merupakan sebahagian daripada dakwah kepada golongan bukan Islam untuk terus menyumbang dalam pembangunan sosioekonomi umat Islam.

KESIMPULAN

Pendidikan adalah hak asasi manusia yang diiktiraf sejagat. Setiap insan berhak kepada akses mendapatkan pendidikan yang berkualiti untuk kemajuan diri dan menyumbang kepada pihak lain. Namun, kos pendidikan adalah sangat tinggi. Dana sokongan selain peruntukan kerajaan amat penting untuk diwujudkan bagi menampung perbelanjaan pengurusan dan pembangunan pendidikan secara lestari. Wakaf tunai adalah alternatif terbaik berdasarkan rekod keunggulannya sejak dahulu hingga kini. Hal ini terbukti dengan pelaksanaan wakaf tunai di SRITI Tahfiz al-Fateh. Namun, matlamat ke arah memperluaskan wakaf tunai di Malaysia iaitu mewujudkan dana wakaf untuk semua sektor dan peringkat pendidikan termasuk untuk sekolah-sekolah kerajaan akan menghadapi beberapa kekangan seperti isu undang-undang dari segi perbezaan bidang kuasa dalam hal ehwal pendidikan dan wakaf. Tetapi di sudut yang lain, masih wujud peluang-peluang bagi menjayakan hasrat murni ini seperti kerjasama strategik para pemegang taruh dalam pendidikan dan wakaf di negara ini untuk memperluaskan wakaf ke semua institusi, sektor dan tahap pendidikan termasuk peringkat sekolah. Instrumen wakaf tunai berpotensi sebagai instrumen wakaf pendidikan terutamanya di SAR. Dana wakaf tunai dapat dijadikan sebagai sumber pembiayaan membangunkan wakaf pendidikan. Diharapkan cadangan ini dapat membuka jalan bagi meneruskan kecemerlangan wakaf pendidikan seperti yang dikecapi umat Islam pada zaman silam. Perancangan, penyelidikan dan perbincangan bersepadu semua pihak berkepentingan amat penting sehingga dapat merumuskan satu pelan dan model wakaf pendidikan nasional yang komprehensif. Wakaf ialah instrumen yang berperanan menggabungkan elemen rohaniah dan kebendaan serta dapat berfungsi sebagai pemangkin ekonomi dan pembangunan ummah. Semangat wakaf yang mengalir dalam jiwa para anbiya, sahabat, ulama, dan umat Islam terdahulu wajib dijadikan ikutan dan panduan. Wakaf dilihat juga sebagai salah satu instrumen yang terbaik baik memenuhi keperluan dalam kehidupan masyarakat melalui pengumpulan dana wakaf bagi membina projek-projek yang d perlukan.

PENGHARGAAN

Sekalung penghargaan kepada Universiti Teknologi MARA Cawangan Pahang atas pembiayaan projek penyelidikan Geran Penyelidikan MyRA Lulusan PhD (LPhD). No. rujukan 600-RMC/GPM LPHD 5/3 (161/2021). Terima kasih juga diucapkan kepada semua pihak yang terlibat sama ada dari aspek pengumpulan data mahupun sekadar perkongsian ilmu sepanjang kajian ini dijalankan.

KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis tidak mempunyai apa-apa konflik kepentingan dengan mana-mana pihak, organisasi atau individu tertentu sama ada dari segi kewangan atau lain-lain kepentingan dalam penghasilan artikel ini.

SUMBANGAN PENULIS

Artikel ini dihasilkan dengan kerjasama semua ahli penyelidik. Analisis data telah disediakan oleh Surita Hartini Mat Hassan, Mohd Nasir Ayub dan Sakinatul Raadiyah Abdullah berdasarkan data yang diperoleh melalui sesi temu bual yang dilakukan dan data dari sumber sekunder. Penulisan berkaitan pengenalan dan metodologi dilakukan oleh Salimah Yahya dan Che Khadijah Hamid. Semua ahli penyelidik terlibat dalam proses pengumpulan data primer dan sekunder.

RUJUKAN

- Ab Rahman, A. (2021). Peranan Ijtihad Jama'i dalam Pembentukan Skim Wakaf Tunai di Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*.
- Bruce, C. (2007). Questions arising about emergence, data collection, and its interaction with analysis in a grounded theory study. *International Journal of qualitative methods*, 6(1), 51-68.
- Bryant, M. (2006). Talking about change: Understanding employee responses through qualitative research. *Management Decision*, 44(2), 246-258.
- Hassan, N., Abdul-Rahman, A., & Yazid, Z. (2013). Pengurusan Dan Pembangunan Wakaf Pendidikan: Kajian Kes Di Selangor, Malaysia (The Management and Development of Waqfs For Education: Case Study In Selangor, Malaysia). In *Proceeding 1st Internasional Conference on Islamic Wealth Management (2013)*, 386-406.
- Latiff, A. Z. A., Ismail, C., & Daud, N. (2006). Waqf assets management and its potential toward the enhancement of education for Muslim community in Malaysia (Pengurusan harta wakaf dan potensinya ke arah kemajuan pendidikan umat Islam di Malaysia). In *National Wakaf Seminar*.
- Mahamood, S. M. (2006). Waqf in Malaysia: Legal and administrative perspectives. Kuala Lumpur: UM Press.
- Mahamood, S. M., & Ab Rahman, A. (2015). Financing universities through waqf, pious endowment: is it possible? *Humanomics*, 31(4), 430-453.
- Mahamood, S. M., Ab Rahman, A., & Seman, A. C. (2018). Pembentukan Institusi Pengajian Tinggi Berteraskan Wakaf di Malaysia: Cadangan Model Pelaksanaannya: The Establishment of a Waqf-Based Higher Educational Institution in Malaysia: Proposed Model for Implementation. *Jurnal Syariah*, 26(1), 1-22.
- Nik Hassan, N. M. (1999). Konsep dan pelaksanaan wakaf di Malaysia. *Kuala Lumpur, Institute Kefahaman Islam Malaysia*.
- Siren, N. R. H., Azmi, I. A. G., Jalil, S. J. B. A., & Ab Majid, A. (2018). Kepelbagaian Pengurusan Sekolah Agama Rakyat Di Malaysia (Diversity of Community Religious School Management in Malaysia). *Journal of Al-Tamaddun*, 13(1), 45-56.
- Turner, D. W., III. Qualitative Interview Design: A Practical Guide for Novice Investigators. *The Qualitative Report* 15, no. 3 (2010), 754-760.

- Saufi, M. S. A. M., & Hamid, M. A (2021). Pelaksanaan Wakaf Pendidikan Tinggi: Impak Kesedaran Terhadap Masyarakat di Malaysia. *International Journal of Contemporary Issues (IJCI)*, 42.
- Rashid, F. D., Yaakob, R., Lateh, H. M., & Ruslan, N. I. N. (2022). Penelitian Terhadap Wakaf Kediaman dan Pendidikan di Malaysia Menerusi Komperatif Negara Terpilih [Research on Residential and Education Endowment in Malaysia through Comparative Selected Countries]. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*, 23(3), 40-57.
- Suhaimi, F. M., & Ab Rahman, A. (2021). Peranan wakaf dalam pembangunan sosioekonomi: Analisis ke atas projek bazar wakaf rakyat terpilih. *Islamiyyat-The International Journal of Islamic Studies*.
- Mohiddin, M. N. H. (2017). Institusi Wakaf Vs Tabung Dana Pembinaan Masjid di Brunei Darussalam. In *makalah proceeding, International Conference on Masjid, Zakat and Waqf Management*.



© 2024 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).